# Isu Semasa dan Cabaran Utama dalam Kelestarian Industri Sawit Malaysia

**Rafizah Mazlan**
Unit Pembangunan Perdagangan
Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

**Bengkel Bimbingan Geran Penyelidikan Kursi MPOB-UKM 2025**
13 Mac 2025 (Khamis) | Zoom

MPOB

Universiti Kebangsaan Malaysia
*National University of Malaysia*

# Rangka Pembentangan

**01** Pengenalan

**02** Isu Semasa & Cabaran Utama Dihadapi Industri Sawit

**03** Amalan Kemampanan

**04** Kesimpulan



MPOB

# PENGENALAN



# PENGENALAN

## 10 Produk Eksport Utama, 2024
## Jumlah Eksport: RM1.508 trilion




Industri sawit di Malaysia merupakan antara penyumbang utama terhadap kesejahteraan ekonomi negara.

Sumber: MATRADE

# Destinasi Utama bagi Eksport Minyak Sawit Malaysia, 2024




1) INDIA
3.03 Mn T ↑ 6.5%




2) CHINA
1.39 Mn T ↓ 5.3%



3) EU
1.29 Mn T ↑ 21.3%




4) KENYA
1.26 Mn T ↑ 37.7%




5) TURKIYE
0.91 Mn T ↑ 2.4%




6) PHILIPPINES
0.69 Mn T ↑ 55.5%

Source: MPOB

# ISU SEMASA & CABARAN UTAMA DIHADAPI INDUSTRI SAWIT

# PERSEPSI NEGATIF TERHADAP MINYAK SAWIT

Persepsi negatif terhadap minyak sawit dalam kalangan pengguna EU semakin membimbangkan dari tahun ke tahun



## Perception

PO negative perception keeps spreading across Europe

- High and stable in Spain (65%), Russia (57%), France (56%), Austria (56%), Italy (46%).
- Average in Poland (41%, up), Germany (39%, stable), Turkey (38%, up), UK (35%, up), Australia (35%, stable) Belgium (31%, stable).
- Low and stable in other countries.

Sumber: Prof. Dr. Pietro Paganini (2021)

MPOB

# PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP MINYAK SAWIT






Kesan Alam Sekitar

- Penyahutanan
- Tanah Gambut
- Stok Karbon Tinggi (HCS)
- Kepupusan Flora Dan Fauna
- Perubahan Iklim
- Pembakaran Terbuka



Kesan Kesihatan Manusia

- Lemak Tepu
- Keselamatan Makanan– 3-MCPDE and GE



Kesan Sosial

- Buruh Paksa
- Buruh Kanak Kanak
- Hak Guna Tanah
- Keadaan Pekerjaan dan Tempat Tinggal
- Penilaian Impak Sosial (SIA)
- Keselamatan & Kesihatan Pekerja

3-MCPDE: 3-monochloropropanediol ester
GE: Glycidyl ester )

# KEMPEN BERTERUSAN ANTI MINYAK SAWIT




## CABARAN

- Industri sawit dikaitkan dengan **penebangan hutan** dan **degradasi hutan**
- Pelepasan gas rumah hijau (GHG emission)
- Risiko tukar guna tanah tidak langsung (ILUC) yang tinggi
- Kehilangan biodiversiti flora dan fauna
- Isu **buruh paksa** & **buruh kanak-kanak**






# PENGGUNAAN LABEL "BEBAS MINYAK SAWIT"




Sumber: Sundram (2020)



"Kami tidak menggunakan minyak sawit dari Indonesia atau Malaysia, dan hanya menggunakan minyak sawit daripada ladang sawit mampan di Amerika Tengah dan Selatan, kawasan tanpa habitat orang utan."

**Di Eropah, bilangan produk dengan dilabel BEBAS MINYAK SAWIT terus**









# EU DEFORESTATION REGULATION (EUDR)

- EUDR berkuatkuasa secara rasmi pada 29 June 2023. Komoditi terlibat: **ternakan, koko, kopi, minyak sawit, soya, kayu, getah dan produk hiliran (daging, perabot dan coklat).**

- Syarikat harus mematuhi peraturan penilaian wajar mandatori dan memberikan bukti bahawa produk bebas daripada penebangan hutan (tarikh akhir: 31 Disember 2020) dan sah di sisi undang-undang.

- Malaysia berusaha untuk merundingkan dan memperhalusi kaedah pelaksanaan EUDR melalui Jawatankuasa Bersama Malaysia, Indonesia dan EU yang telah ditubuhkan pada 2023.

  **i) Mesyuarat pertama JK – 4/8/2023 di Jakarta, Indonesia.**

  **ii) Mesyuarat kedua -2/2/2024 di Putrajaya.**

  **ii) Mesyuarat ketiga - 12/9/2024 di Brussels, Belgium.**



# EUDR Ditangguh

- ➢ Tarikh Penguatkuasaan baru:
- Syarikat Besar EU : 30 Disember 2025
- Syarikat Mikro dan Kecil EU : 30 Jun 2026

AT AUTO HARTANAH TEKNOLOGI USAHAWAN LAIN-LAIN (BISNES)

## Penangguhan EUDR beri masa pengeluar sawit tambah baik kemampanan

Oleh Alzahrin Alias - Oktober 8, 2024 @ 2:41pm
zahrin@mediaprima.com.my



European Council
Council of the European Union

Home › Press › Press releases

Council of the EU | Press release | 20 November 2024 13:20

## EU deforestation law: Council reconfirms its agreement to extend application timeline

Today, the Council firmly reiterated its support to the proposed targeted amendment of the EU deforestation regulation, postponing its date of application by 12 months. The Council considers that this is the best way forward to ensure legal certainty for all stakeholders. It should be recalled that the proposal of the Commission needs to be adopted, signed and published in the Official Journal before 30 December 2024.

**Memberi masa tambahan kepada negara pengeluar berdepan cabaran untuk mematuhi kriteria EUDR.**

**Memberi ruang untuk mendapatkan penerangan lanjut daripada EU berkaitan isu kritikal melibatkan kebolehjejakan, perlindungan data, penanda aras negara, dsb.**

# ISU BURUH PAKSA & BURUH KANAK-KANAK

- Pada 2009, Jabatan Buruh Amerika Syarikat menyenaraikan industri minyak sawit Malaysia dalam *List of Goods Produced by Child Labour or Forced Labour* dan senarai ini kekal sehingga sekarang.

- Pada 2020, beberapa petisyen difailkan oleh NGO kepada Jabatan Kastam & Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) berkenaan wujud unsur buruh paksa di sektor perladangan Malaysia. Lanjutan itu, US CBP mengenakan sekatan terhadap produk minyak sawit yang dikeluarkan oleh beberapa syarikat besar perladangan di Malaysia.

- Pada 2021, Malaysia diletakkan taraf kepada *Tier 3 Watch List* dalam *Trafficking in Persons Report* yang dikeluarkan oleh Pejabat Jabatan Negara AS.

- Pada 2023, Malaysia **dinaiktaraf** kepada *Tier 2 Watch List.*



# ISU KESELAMATAN MAKANAN

## CABARAN

Bahan cemar diproses (3-MCPD) berlaku semasa pemprosesan minyak sayuran. 3-MCPD terbentuk kerana interaksi triasilgliserol (TAG) atau gliserol dengan klorida pada suhu tinggi.

Penolakan konsignmen minyak sawit di EU berikutan kadar yang tinggi




**3-monochloropropane-1,2-diol esters (3-MCPDE)**




**Glycidyl esters (GE)**





**Mineral oil saturated hydrocarbons (MOSH)**

**Mineral oil aromatic hydrocarbons (MOAH)**





# STRATEGI & AMALAN KEMAMPANAN

# SEKTOR INDUSTRI SAWIT YANG DILESENKAN MPOB (24 KATEGORI LESEN)

## PERLADANGAN



1. Pengeluar Biji Benih
2. Pengeluar Tisu Kultur
3. Tapak Semain
4. Estet
5. Pekebun Kecil*

** Lesen percuma*

## PERNIAGAAN



6. Peniaga Asid Lemak
7. Peniaga Buah Kelapa Sawit
8. Peniaga Isirung Sawit
9. Peniaga Minyak Sawit
10. Peniaga Oleokimia Sawit
11. Peniaga Anak Benih Sawit
12. Peniaga Tisu Kultur

## PENGILANGAN



13. Memulakan Pembinaan Kilang Sawit
14. Kilang Kelapa Sawit
15. Kilang Pelumat
16. Kilang Oleokimia Sawit
17. Kilang Penapis




## PERKHIDMATAN



23. Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit
24. Pengimport Keluaran Kelapa Sawit



21. Makmal
22. Pengukur Keluaran Kelapa Sawit



19. Memulakan Pembinaan Pusat Simpanan Pukal
20. Pusat Simpanan Pukal



18. Pengangkut

# INDUSTRI SAWIT DIKAWAL SELIA OLEH AKTA DAN PERATURAN

## PERIHAL HIDUPAN LIAR

- Akta Perlindungan Hidupan Liar 2008 [Akta 716]

## PERIHAL TANAH

- Kanun Tanah Negara 1965
- Akta Pengambilan Tanah 1960

## PENGGUNAAN RACUN PEROSAK

- Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Pendaftaran Racun Makhluk Perosak) Peraturan 1988
- Racun Makhluk Perosak (Pelesenan untuk penjualan & penyimpanan) Peraturan 1988
- Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) Peraturan 1984

## PERIHAL BURUH DAN PEKERJA

- Undang-undang Buruh
- Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja1990
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1977
- Kilang & Mesin (Pendedahan Bunyi) Peraturan 1989
- Akta Pasport 1966
- Akta Pendidikan1996




## ALAM SEKITAR

- Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Disemak 1989)
- Akta Kualiti1974 (Kualiti Persekitaran) (Premis yang ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit) Peraturan 1977
- Kualiti Persekitaran (Udara Bersih) Peraturan 1978
- Kualiti Persekitaran Aktiviti yang ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) Perintah 1987

## BIODIVERSITI

- Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025

# PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)

**Keterangkuman**

Meliputi semua pihak berkepentingan dalam industri sawit, termasuk pekebun kecil.

**Dibiayai Kerajaan**

Bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia mengelakkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna akhir atau pengguna, malah menggalakkan kestabilan ekonomi antara negara pengeksport dan pengimport.

**Perlindungan alam sekitar**

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB yang memastikan perlindungan alam sekitar.

**Standard dinamik**

Ulasan standard dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan yang berterusan.

**Akreditasi**

Badan Pensijilan diberi kuasa di bawah Standards Malaysia & *International Accreditation Forum* (IAF)

**Bantuan kepada Pekebun Kecil**

Bantuan teknikal dan kewangan yang disediakan untuk membantu pekebun kecil mengecapi kemampanan industri sawit.

**Perlindungan Hidupan Liar**

Melindungi hidupan liar di Malaysia.

**Perlindungan Kebajikan Pekerja**

Melindungi kebajikan dan hak pekerja dalam industri sawit.

**Kesaksamaan**

Peluang yang sama diberikan kepada semua untuk mematuhi syarat pensijilan kemampanan. Tiada yuran keahlian diperlukan.

# Revised MSPO Standards - Improved Sustainability Requirements

**01** The MSPO Standard supports the **Sustainable Development Goals (SDG) 2030** by incorporated the elements into the revised Standard.

**02** Introducing & Incorporated the **High Conservation Value (HCV)** approach to major part of the palm oil industry.

**03** Introducing & Incorporated the **Social Impact Assessment (SIA)** approach to all level of the MSPO Standard User.

**04** Introducing & Incorporated **Green House Gas Calculation (GHG)** for the entire supply chain.

**05** **Anti-corruption**: In-line with National amended MACC Act (Section 17A) which requires mandatory corporate accountability.

# PENCAPAIAN MSPO

| | Pekebun Kecil Persendirian (Part 2) | Estet* | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | Pekebun Kecil Tersusun (Part 3) | Ladang (Part 3) | |
| **Kawasan Tanaman Dipersijilkan (ha)** | 662,737.36 | 590,152.10 | 3,635,100.67 | **4,887,990.13** |

*87.01%
Daripada jumlah kawasan tanaman yang berlesen.

**Kilang (*Mills*)**
**(Part 4)**
yang dipersijilkan:
394



***Sumber: MSPO, sehingga 31 Dis. 2024***

# USAHA KEMAMPANAN YANG BERTERUSAN



Untuk menanam **1 juta spesies pokok hutan** dalam tempoh 10 tahun akan datang (melalui penajaan oleh ahli industri sawit)





Industri sawit Malaysia **proaktif dalam usaha pemuliharaan hidupan liar**, bekerjasama dengan organisasi seperti Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk menyokong usaha menyelamat dan memulihara hidupan liar



***Central Forest Spine* (CFS)** - menghubungkan 4 kompleks hutan utama yang membentuk banjaran gunung tengah di Semenanjung Malaysia. CFS amat penting dalam mewujudkan hubungan ekologi untuk Semenanjung Malaysia dan akan memastikan kelangsungan spesis




**Heart of Borneo (HoB)** - Malaysia turut terlibat bersama Indonesia dan Brunei dalam Inisiatif "Heart of Borneo" untuk memulihara kira-kira 20 juta hektar hutan hujan yang mempunyai kesinambungan ekologi. Sekitar 30% daripada kawasan tersebut berada di bawah Malaysia

# Pembangunan Sistem Kebolehjejakan dan Pemetaan

## Sistem kebolehjejakan

- Sawit Intelligent Management System (SIMS) dibangunkan oleh MPOB, bertujuan menyelaraskan pematuhan kawal selia MPOB bagi pemegang lesen sambil menyediakan MPOB dengan maklumat yang komprehensif dan jitu untuk pemantauan dan membuat keputusan yang lebih berkesan.

- SIMS mengatur data untuk membolehkan pemantauan dan pengesanan yang lancar di seluruh rantaian bekalan sawit.




## Pemetaan Ladang Sawit di Malaysia (Portal GeoSawit)

- Mengandungi maklumat poligon kawasan tanaman sawit termasuk tanah milik pekebun kecil.

- Pembangunan geoportal ini dapat digunakan sebagai bukti komitmen Malaysia kepada kelestarian tanaman sawit yang bebas daripada aktiviti penebangan hutan.




Paparan GeoSawit untuk pemetaan poligon pekebun sawit persendirian

# INISIATIF KERAJAAN – ISU BURUH PAKSA & BURUH KANAK-KANAK

Menghantar surat peringatan kepada pihak ladang supaya mengamalkan amalan perburuhan terbaik bagi menghindari unsur buruh paksa dan buruh kanak-kanak

Program kesedaran berkenaan buruh paksa & buruh kanak-kanak dengan penganjuran sesi penerangan & dialog dengan pihak industri sawit

Melaporkan kepada wakil Amerika Syarikat berkenaan hasil kajian menyeluruh situasi guna tenaga di sektor perladangan sawit

# Tambahan syarat lesen untuk tahap 3-MCPDE dan GE




## Penguatkusaan Tambahan Syarat Lesen

01 Tambahan syarat (Tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm) dikenakan **kepada minyak sawit yang diproses bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan.**

02 Pekeliling berkuatkuasa pada **1 Januari 2025** dan penguatkuasaannya pada 1 Julai 2025.

03 Pematuhan tahap **3-MCPDE dan GE bagi tujuan eksport** berdasarkan persetujuan komersial antara pengeksport dan pengimport.

**LAMPIRAN 1**

**TAMBAHAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG PENAPIS (RF): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI**

**TAMBAHAN SYARAT LESEN:**

| KATEGORI KILANG PENAPIS (RF) |
|---|

(i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan, mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm.

# INISIATIF PENYELIDIKAN

Usaha penyelidikan untuk memastikan permintaan yang berterusan untuk minyak sawit dan produk berasaskan sawit dan penghasilan produk berasaskan sawit bernilai tambah tinggi (tocotrienol, squalene dll).









# KESIMPULAN



# K

KESIMPULAN



Augerah Alam Kepada Malaysia, Anugerah Malaysia Kepada Dunia!

Pembangunan mampan telah menjadi nadi kepada pendekatan pembangunan Malaysia sejak 1970-an, dengan penekanan kepada pembasmian kemiskinan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, menyediakan akses universal kepada pendidikan dan menjaga alam sekitar.

Begitu juga, industri sawit Malaysia telah berpegang kepada prinsip kemampanan sejak awal dan amalan semasa kekal komited terhadap tiga tonggak kemampanan, iaitu PEMBANGUNAN SOSIAL, PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR dan PEMBANGUNAN EKONOMI. Ianya selari dengan komponen UNSDG.



# JURNAL SAINTIFIK MPOB (JOPR)

## Journal of Oil Palm Research (JOPR)

- Diterbitkan 4 kali setahun (Mac, Jun, September & Disember)
- Diindex di Web of Science (berfaktor impak) dan Scopus (CiteScore)
- Impak Faktor (IF) JOPR 1.2 (2022) dan CiteScore 2.6 (2023)




MINISTRY OF PLANTATION AND COMMODITIES
M P O B
INTERNATIONAL PALM OIL
PIPOC
CONGRESS AND EXHIBITION
2025
See you at
PIPOC 2025
MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION
18 - 20 November 2025
Kuala Lumpur Convention Centre
HRDCORP CLAIMABLE
Organised by
Malaysian Palm Oil Board
Ministry of Plantation and Commodities, Malaysia

# TERIMA KASIH

Follow us online !

**Rafizah Mazlan**
e-mail: rafizah@mpob.gov.my
Website: www.mpob.gov.my

**Malaysian Palm Oil Board (MPOB)**
No. 6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
MALAYSIA